

04 JAN 2001

Hishammuddin-Debat

PEMUDA UMNO CADANG TANGGUH DEBAT DENGAN PEMUDA PAS

KUALA LUMPUR, 4 Jan (Bernama) -- Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein mencadangkan supaya debat mengenai hak keistimewaan orang Melayu dengan Ketua Pemuda Pas, Mahfuz Omar ditangguhkan buat sementara waktu.

Beliau berkata debat itu tidak wajar diadakan sekarang ketika Pemuda Umno sedang berusaha mendesak Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina (Suqiu) mengggugurkan tuntutan mereka yang menyentuh keistimewaan Melayu.

"Adalah tidak wajar dan tidak manis bagi dua pemimpin muda Melayu berdebat dengan secara terbuka di khalayak ramai mengenai perkara berkenaan sementara kita sedang memperjuangkan isu itu.

"Ia akan hanya menunjukkan bahawa kita bertindak secara tidak bertanggungjawab, lebih-lebih lagi bila ada usaha pihak-pihak tertentu untuk menyatupadukan orang Melayu," kata Hishammuddin dalam satu temuramah dalam laman web Umno-Online hari ini.

Hishammuddin, yang juga Menteri Belia dan Sukan, berkata beliau akan menghubungi moderator debat itu, Prof Diraja Ungku Aziz, supaya debatnya dengan Mahfuz ditangguhkan jika tema perdebatan itu adalah berkenaan hak keistimewaan Melayu.

Rayuan 17 Perkara yang ditimbulkan oleh Suqiu menjadi kontroversi kerana ia turut meminta supaya hak keistimewaan orang Melayu digugurkan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan kumpulan itu sebagai ekstremis kerana membuat tuntutan yang boleh menjejaskan kontrak sosial antara pelbagai kaum dan keharmonian yang sedia wujud di negara ini sejak merdeka.

Berikutan itu, Gabungan Pelajar Malayu Semenanjung (GPMS) membuat 100 tuntutan balas serta bercadang mengadakan perhimpunan bantahan di setiap negeri dan perhimpunan bantahan 100,000 orang di Stadium Nasional di Bukit Jalil.

Hishammuddin juga pernah menyatakan kesediaannya untuk berdialog dengan Suqiu bagi menamatkan kontroversi itu secepat mungkin.

Hishammuddin berkata sempena Tahun Baru, Pemuda Umno akan membuka lembaran baru dalam arus perjuangannya dan tidak akan berpolemik dengan sesiapa yang membuat teguran terhadapnya demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

Sementara itu, Mahfuz ketika dihubungi di sini, berkata beliau tetap akan meneruskan debatnya dengan Hishammuddin dan mahu debat yang membincangkan hak istimewa orang Melayu itu disegerakan.

Katanya debat itu bertujuan menjelaskan kepada masyarakat mengenai kedudukan istimewa orang Melayu.

Beliau berkata Ungku Aziz telah pun menetapkan debat itu diadakan antara 13 Jan dan 24 Feb depan.

"Hishammuddin jangan berdolak dalik lagi. Dia kena tampil ke depan untuk menunjukkan diri sebagai pemimpin yang bertanggungjawab," katanya.

Mahfuz berkata alasan Hishammuddin tidak ada kena mengena dengan Suqiu, yang menurutnya selama ini telah menyatakan persetujuan terhadap Perkara 153 Perlembagaan berhubung hak istimewa orang Melayu.

-- BERNAMA

HS RZS AHH NAK